

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14/01/2018

'Pendirian tidak konsisten'

BH-14/1/2018 pg-8

Bagan Datuk: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak mahu menjadi Perdana Menteri, sebaliknya berbuat demikian jika pembangkang memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), adalah bukti pemimpin pembangkang itu seorang yang tidak konsisten pendiriannya.

"Saya amat 'menghargai' Tun M yang secara konsisten (untuk) tidak konsisten.

"Apabila pengumuman dibuat bahawa kononnya pakatan (pakatan pembangkang) menamakan beliau (Dr Mahathir calon Perdana Menteri), hari ini apabila ada komen yang sebaliknya terhadap penerimaan kepada pencalonan itu, beliau kata 'dipaksa'.

"Saya tidak mahu campur soal parti politik orang lain, tetapi itulah pandangan saya," katanya dengan nada sinis.

Beliau berkata diminta mengulas kenyataan terbaru Dr Mahathir selepas merasmikan Majlis Penutup Multaqa Permuafakatan Masjid, Surau dan Sekolah Agama Rakyat Daerah Bagan Datuk dan Hilir Perak di Dewan Dato' Mohamed Jamrah, di sini, semalam.

Dalam ucapannya di Pontian, kelmarin, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak mahu menjadi Perdana Menteri, sebaliknya diminta untuk menjawat jawatan itu jika pembangkang memenangi PRU-14.



Apabila pengumuman dibuat bahawa kononnya pakatan (pakatan pembangkang) menamakan beliau (Dr Mahathir calon Perdana Menteri), hari ini apabila ada komen yang sebaliknya terhadap penerimaan kepada pencalonan itu, beliau kata dipaksa"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri

Pakatan pembangkang ketandusan pemimpin

Dr Mahathir mendakwa beliau sebenarnya mahu berehat, namun tidak dapat berbuat demikian sehingga hari ini sejak menyerahkan jawatan itu kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Di **Kuala Lumpur**, Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata pakatan pembangkang ketandusan pemimpin sehingga sanggup mencalonkan Dr Mahathir.

Katanya, zaman Dr Mahathir sudah berakhir dan tidak lagi sesuai untuk kembali mentadbir negara.

"Saya pun hairan kenapa Dr Mahathir dikitar semula untuk kembali mentadbir negara. Ada baiknya Dr Mahathir akur masa sekarang berbeza dengan era beliau menjadi Perdana Menteri.

"(Perdana Menteri, Datuk Seri) Najib (Razak) melakukan yang terbaik untuk mentadbir negara ke arah negara maju, aman dan lestari," katanya selepas merasmikan Perpustakaan 1Wilayah Persekutuan Medan Idaman di Setapak, di sini, semalam.

Konvensyen pakatan pembangkang minggu lalu, Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri jika pembangkang memenangi PRU-14, manakala Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pula sebagai calon Timbalan Perdana Menteri.